

Najib Harap Malaysia Dapat Bangunkan Hubungan Kukuh Dengan Industri Britain
Bernama
6 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berharap Malaysia dapat membangunkan hubungan yang lebih kukuh dengan industri Britain, terutama dalam Kewangan Islam dan meningkatkan peluang dalam pelaburan patuh Syariah.

"Tahun lepas, kami bersama-sama berjaya membawa Forum Ekonomi Islam Dunia ke London, dan dalam persaingan mesra dan kemakmuran bersama, kami gembira melihat UK memainkan peranan dalam pasaran kewangan Islam, katanya dalam ucapan pada Ulang tahun Ke-50 Malam Gala Dewan Perniagaan dan Industri Britain-Malaysia (BMCC) di ibu negara Khamis malam.

Perdana Menteri berkata lawatan David Cameron dua tahun lepas memberi isyarat permulaan hubungan ekonomi yang kukuh, berasaskan kerjasama politik yang rapat.

"Untuk mengekalkan momentum ini, saya dan Perdana Menteri Cameron berjanji untuk meningkatkan pelaburan dan menggandakan hubungan dagangan dua hala kepada 8 bilion paun, kira-kira RM26 bilion menjelang 2016.

"Komitmen ini diperlukan memandangkan hubungan yang sudah lama tidak selari dengan angka perdagangan dua hala kita," katanya.

Selain Kewangan Islam, Najib berkata hubungan dalam sektor pelancongan dengan UK juga tinggi.

"Tahun lepas 'Malaysia Night' menyaksikan Trafalgar Square diselubungi warna Malaysia. Lebih 35,000 pelawat menghadiri acara itu, dan menyedari cita rasa warga Britain, saya rasa sebanyak itulah angka roti canai yang dijual," katanya.

Sempena Tahun Melawat Malaysia, Najib yakin BMCC akan terus memainkan peranan dalam menggalakkan rakyat Britain mengunjungi Malaysia sama ada untuk perniagaan atau santai.

"Matlamatnya hubungan penduduk-dengan-penduduk yang baik dan memperkaya hubungan ekonomi," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menandatangani Inisiatif Sokongan Dagangan dua hala antara Malaysia dan UK dengan objektif untuk menggalakkan lebih banyak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Britain mengeksport ke Malaysia.

Bidang tumpuan utama menerusi inisiatif itu ialah Inisiatif Rangkaian Perniagaan Luar negara yang dibangunkan untuk memberi bantuan dan perkhidmatan sokongan kepada PKS Britain yang mahu meluaskan operasi ke luar negara.

Najib berkata "Saya bangga Dewan Perniagaan Britain memainkan peranan penting dalam memenuhi komitmen, menjadi rakan tempatan untuk inisiatif rangkaian perniagaan luar negara.

"Sudah banyak kita lalui. Dan Dewan perniagaan Britain Malaysia merupakan rakan yang sangat bermakna, merapatkan hubungan dua negara dengan mengenal pasti peluang-peluang bersama," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019919>